



FAKTOR PENDORONG KREATIVITI DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK

(Motivating Factors for Creativity Among Polytechnic Students)

Norfarahi Zulkifli^{1*}, Mohd Isa Hamzah¹, Khadijah Abdul Razak¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: farahijpa@gmail.com

Received: 19 September 2020 • Accepted: 15 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

This study aims to examine the factors that drive student creativity, identify key factors and look at differences in creativity factors for male and female students. A total of 119 respondents from one polytechnic in the southern zone were involved in this study. The study data were obtained from the administered questionnaire and the Cronbach Alpha value obtained was $\alpha = 0.873$ and then analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis of student gender was seen using frequency and percentage while inference analysis using t-test at a significant level 0.05 was used to see the difference in creativity factors between genders. The results of the study found that the main factor that motivates student creativity is the knowledge factor with a mean value of 4.3025. In addition, studies also show that there is no difference in creativity factors between male and female students except for the knowledge factor. It is also hoped that this finding will provide an opportunity for lecturers to continue to strive and give encouragement during the teaching and learning process so that students' creativity can be highlighted through the factors that have been mentioned.

Keywords: Creativity, Creative Thinking, Higher Education, Polytechnic, Students

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong kreativiti pelajar, mengenalpasti faktor utama dan melihat perbezaan faktor kreativiti bagi pelajar lelaki dan perempuan. Seramai 119 responden telah terlibat dalam kajian ini yang merupakan pelajar di sebuah politeknik di zon selatan. Data kajian

diperoleh daripada soal selidik yang telah ditabdir dan nilai Cronbach Alpha yang diperolehi ialah $\alpha = 0.873$ dan seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif mengenai jantina pelajar dilihat dengan menggunakan frekuensi dan peratusan manakala analisis inferensi menggunakan ujian t pada aras signifikan 0.05 digunakan untuk melihat perbezaan faktor kreativiti antara jantina. Hasil kajian mendapati faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar ialah faktor ilmu pengetahuan dengan nilai min 4.3025. Melalui kajian ini juga diharap dapat memberikan peluang kepada pensyarah untuk terus berusaha dan memberi galakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran agar kreativiti pelajar dapat diserlahkan dan ditonjolkan lagi melalui faktor yang telah disebutkan.

Kata kunci: Kreativiti, Pemikiran Kreatif, Pendidikan Tinggi, Politeknik, Pelajar

Cite as: Zulkifli, N., Hamzah, M.I., Razak, K.A. (2020). Factors Affecting Creativity Among Polytechnic Students. *Asian People Journal*, 3(2), 77-85.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan nadi utama yang menyumbang kepada pembangunan sebuah negara dan telah awalnya ditekankan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2010 yang memfokuskan kepada usaha membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Tuntutan kehidupan yang lebih kompleks dalam abad ke 21 memerlukan pelajar mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Setiap pelajar dikurniakan corak pemikiran dan personaliti yang berbeza dari aspek kreativiti, sikap, nilai mahupun sosial. Perkara ini secara langsung mempengaruhi corak pembelajaran mereka, cara penerimaan terhadap pembelajaran dan gaya pembelajaran mereka di dalam kelas. Perkembangan pendidikan pada abad ke 21 menyaksikan penekanan kepada banyak kemahiran seperti pemikiran kritis, pemikiran kreatif, kolaborasi dan komunikasi. Selain itu juga, perkembangan teknologi turut mempengaruhi proses pendidikan di semua peringkat untuk selari dengan adab ke-21. Justeru, pengajaran dan pembelajaran juga berubah untuk memastikan guru dan pelajar dapat menyesuaikan diri dalam segala situasi kehidupan yang sentiasa mengalami perubahan dalam segenap aspek. Hal ini juga menjadikan corak pemikiran mereka perlu mencapah kepada banyak perkara dan perlu berfikir dengan cara yang baru dan kreatif.

Melihatkan kepada perubahan dalam lanskap pendidikan negara, perkara ini juga turut menjadi fokus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang bermatlamat untuk melahirkan tenaga kerja yang berfikiran kreatif dan inovatif. Melalui perkara ini dapat dilihat bahawa pendidikan menjadi tunjang utama untuk menyuburkan dan mempertingkatkan kreativiti dalam kalangan pelajar yang merupakan sumber utama modal insan negara. Negara memerlukan sumber tenaga yang bukan sahaja cekap dari sudut intelek bahkan memiliki pemikiran yang kreatif dan inovatif untuk terus kompeten dan berkeaktiviti dalam melestarikan kemajuan demi pembangunan masyarakat dan negara. Kreativiti pada lazimnya dikaitkan dengan proses atau kebolehan mewujudkan sesuatu yang baru. Menurut Amabile (1996) kreativiti adalah dimiliki oleh setiap individu. Kreativiti boleh ditakrifkan sebagai penciptaan produk yang baru dan luar biasa dengan penuh kepekaan bagi sesuatu penyelesaian masalah (Urban, 1991). Cropley & Cropley (2005) juga merujuk kreativiti sebagai kreativiti berfungsi dalam tugas pelajar yang melibatkan satu penghasilan produk yang baru, berguna, bersesuaian dan relevan. Mengikut pandangan sarjana yang lain, kreativiti merupakan suatu konsep yang dilihat sebagai abstrak (Chua,

2011). Kreativiti juga adalah satu elemen penting yang membuahkan inovasi dan menjadi satu elemen yang kritikal dan merupakan sumber penting dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (Robinson, 2005).

Keperluan Kreativiti Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Mutakhir ini, proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat menolak kepada keperluan kreativiti sama ada di pihak pelajar mahupun guru dalam memastikan pendidikan bergerak seiring dengan perkembangan dan perubahan lanskap pendidikan abad ke 21. Sebagai wadah utama yang melahirkan modal insan, pendidikan amat menitikberatkan aspek kreativiti dalam usaha menyediakan lebih ramai sumber tenaga kerja yang kreatif yang mampu menjadi modal insan kelas pertama yang berdaya saing dan maju. Daya saing ini dilihat kepada hasil janaan idea yang kreatif dan berkualiti yang membolehkan individu menyumbang kepada negara dalam segenap aspek kemajuan seperti dalam bidang ekonomi, sosial, kejuruteraan pendidikan dan lain-lain.

Perkara ini telah lama difokuskan bermula dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang menekankan pembangunan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan Negara di abad ke-21. Tidak terhenti setakat itu, perkara berkaitan kreativiti diperkasakan lagi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan tentang kepentingan pembangunan kemahiran berfikir. Pelbagai langkah dan usaha berterusan telah dilaksanakan dengan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meperkasakan elemen kreativiti melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Selain di peringkat sekolah, elemen kreativiti ini juga diberi penekanan di peringkat pengajian tinggi. Sebelum ini, tumpuan pendidikan telah fokus kepada kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mengira sebagai kemahiran asas yang perlu ada pada seorang pelajar. Namun kini kemahiran berfikir secara kreatif turut ditambah sebagai kemahiran asas untuk melahirkan generasi pelajar yang berfikiran kelas pertama dalam era pendidikan abad ke 21 masa kini.

Terdapat banyak kajian lepas mengenai kreativiti yang mendapat perhatian para sarjana sebelum ini. Kajian Yahya & Noor Sharliana (2011) menunjukkan faktor utama yang mendorong kreativiti pelajar adalah faktor ilmu pengetahuan dan faktor selainnya terdiri daripada gaya berfikir, personaliti, motivasi dan keadaan persekitaran. Berbeza pula dengan Nor Azzatunnisak & Saemah (2013) yang mendapati faktor individu iaitu personal, persekitaran, proses dan produk merupakan faktor-faktor pendorong kreativiti pelajar di peringkat sekolah. Sekalipun terdapat faktor yang boleh mendorong dan memupuk kreativiti pelajar, terdapat juga kajian lepas mengenai kurangnya tahap kreativiti pelajar seperti kajian Musta'mal et al. (2017) di sebuah politeknik mendapati pelajar memahami definisi kreativiti namun menunjukkan tahap kurang kreatif didapati hanya sedikit peratusan pelajar tergolong dalam kategori kreatif dan mencadangkan kajian lanjutan yang fokus kepada pelajar bidang kejuruteraan. Kajian tersebut turut menghujahkan bahawa mengetahui definisi sahaja tidak cukup untuk menjadikan pelajar mencapai tahap kreativiti yang tinggi. Selain itu, pelajar juga didapati kurang kreatif dalam penghasilan projek (Ruhizan et.al, 2012).

Jika disorot kepada kajian lepas di dalam dan luar negara, terdapat pelbagai kajian yang melihat polemik mengenai perbezaan jantina dalam kajian kreativiti dan turut mendapat pertikaian antara sarjana. Kajian Shimonaka & Nakazato (2007) melihat perbezaan jantina dalam kajian kreativiti mengenai kefasihan dan produktiviti. Pandangan yang berpandangan juga oleh Kaufman (2008) yang melihat perbezaan jantina dalam interaksi antara bakat, motivasi dan peluang merupakan bidang yang boleh dikaji. Menurutnya lagi, terdapat perbezaan jantina dalam produktiviti kreatif dan perbezaan ini menjadi satu persoalan yang paling signifikan mengenai jantina dan kreativiti dan menilai perbezaan jantina dalam motivasi dan kreativiti boleh dikaji. Selain itu, terdapat perbezaan

jantina terhadap pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar gred 8 dan gred 11 (Bart et al. 2015). Berbeza pula menerusi kajian H. Naderi et al., (2009) yang mendapati tiada perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan terhadap persepsi kreativiti.

Arshad et al., (2011) juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara kreativiti merentasi jantina dalam kalangan pelajar program Sains. Menilai perbezaan jantina terhadap kreativiti merupakan penyelidikan yang kontroversi dan diterokai secara meluas dalam kajian tingkah laku (Abraham, 2016). Pelbagai polemik telah dibicarakan dalam sorotan kajian yang lepas dan hal ini jelas menunjukkan pendidikan turut menitikberatkan elemen kreativiti pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Justeru, perkara ini mendorong pengkaji untuk melihat faktor-faktor yang mendorong kreativiti dalam kalangan pelajar di sebuah politeknik di zon selatan serta melihat perbezaan faktor ini antara jantina pelajar.

Faktor Pendorong Kreativiti

Faktor kreativiti terdiri daripada empat faktor iaitu faktor ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi, dan keadaan persekitaran. Faktor kreativiti ini diuraikan berdasarkan Teori Sternberg oleh Mohd Azhar (2004) dalam Yahya & Noor Sharliana (2011). Faktor ini bertindak sebagai pembolehubah sebagai syarat untuk berkreativiti dan diujahkan seperti berikut:

a) Ilmu pengetahuan

Pengetahuan akan memberi kelebihan kepada individu kreatif untuk mengenal pasti idea-idea yang asli dan baru. Pengetahuan perlu untuk menyuburkan kreativiti, sebaliknya pengetahuan yang banyak boleh menghalang kreativiti berfungsi dengan berkesan. Hal ini kerana ia boleh membataskan pembangunan idea baru dan menggalakkan individu berfikir secara statik dan rigid. Amabile (1983) turut menyedari kepentingan pengetahuan dalam menghasilkan produk yang kreatif. Menurut beliau, kemahiran dalam bidang yang berkaitan adalah komponen penting yang perlu ada sebelum menghasilkan suatu produk yang kreatif dan kemahiran ini termasuklah pengetahuan mengenai fakta-fakta dalam bidang tersebut. Ilmu pengetahuan adalah satu komponen penting dalam kreativiti yang seharusnya menjadi pembantu untuk melahirkan idea-idea yang kreatif (Mohd Mohsin & Nasrudin, 2006)

b) Gaya berfikir

Individu berfikir secara bercapah. Sering mempersoalkan perkara-perkara yang bersifat konvensional dan status quo. Fleksibel dengan persekitaran dan input luaran. Gaya berfikir juga mempunyai kaitan dengan motivasi. Kajian Lisa et.al (2014) mendapati kemampuan berfikir kreatif dan motivasi pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasil pembelajaran.

c) Personaliti

Individu yang kreatif akan terbuka kepada kritikan, menyedari tentang kewujudan risiko, berani, persis dan tidak mempedulikan sebarang teguran, kritikan, dan cacian. Personaliti juga merupakan faktor yang perlu diambil kira untuk memahami tingkahlaku manusia (Maarop et al., 2017). Dalam penulisannya juga turut memetik definisi personaliti oleh Magnavita (2002) iaitu personaliti ialah cara biasa seseorang individu berfikir, bertutur, berperwatakan dan bertindak balas kepada persekitaran.

d) Motivasi

i) Intrinsik atau personal

Individu kreatif mempunyai matlamat yang jelas dan minat yang mendalam dengan apa yang dikerjakannya.

ii) Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik adalah faktor di luar diri individu seperti ganjaran, kenaikan pangkat, hadiah, penghargaan, kemasyhuran, dan sebagainya. Motivasi ekstrinsik memberi fokus kepada hasil akhir (*end results*) dan tidak menjurus kepada proses penemuan kreatif kurang penting berbanding motivasi intrinsik.

Justeru dapat dilihat bahawa motivasi merupakan penggerak dalam diri seseorang individu untuk melakukan sesuatu aktiviti. Kajian Dominikus (2016) mendapati pelajar yang memiliki potensi kreativiti yang tinggi akan mempunyai motivasi yang tinggi dan perkara ini menjelaskan bahawa motivasi akan mendorong pelajar untuk lebih tekun dan bersungguh dalam kerja atau tugas walaupun terdapat pelbagai halangan dan cabaran.

Motivasi juga dapat dikaitkan dengan kemahiran berfikir kreatif seperti dalam kajian Lisa et al. (2014). Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor utama yang mendorong kreativiti dalam kalangan pelajar di sebuah politeknik di zon selatan serta mengenal pasti faktor perbezaan tersebut berdasarkan jantina.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Kaedah ini dipilih bertujuan untuk mendapatkan maklumat terhadap faktor-faktor yang mendorong kreativiti dalam kalangan pelajar politeknik. Kajian tinjauan deskriptif dijalankan dalam kajian ini dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data dan memperoleh maklumat. Penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai kerana ia lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden dan amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan (Jones, 1996). Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Seramai 119 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian. Bilangan responden ini dilihat bersesuaian mewakili populasi seramai 160 pelajar dengan kiraan sampel menggunakan perisian Raosoft. Sampel ini mewakili populasi pelajar yang mendaftar kursus di bawah penyeliaan pengkaji untuk satu semester. Satu set soal selidik telah ditadbir kepada 119 orang pelajar sebagai responden kajian. Soal selidik ini diadaptasi sepenuhnya daripada Yahya & Noor Sharliana (2011) dan menggunakan skala likert pada aras persetujuan 1 = sangat tidak setuju sehingga tahap 5 = sangat setuju. Pengkaji juga telah melaksanakan kesahan soal selidik dan nilai cronbach alpha yang diperolehi ialah $\alpha = 0.873$.

Menurut Zaidatun & Mohd Salleh (2003), nilai alpha antara 0.60 hingga 0.80 diterima manakala nilai alpha melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Hal ini bermakna konstruk-construct kajian mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai. Seterusnya, data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) Versi 22.0 menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif mengenai jantina pelajar dan faktor pendorong kreativiti dilihat dengan menggunakan frekuensi dan peratusan manakala analisis inferensi menggunakan ujian t pada aras signifikan 0.05 digunakan untuk melihat perbezaan faktor pendorong kreativiti antara jantina. Pengkaji menggunakan interpretasi nilai min oleh Moidunny (2009) seperti di bawah:

Jadual 1 : Interpretasi Nilai Min (Moidunny, 2009)

Skor Min	Tahap
1.0 hingga 1.8	Sangat rendah
1.9 hingga 2.6	Rendah
2.7 hingga 3.4	Sederhana
3.5 hingga 4.2	Tinggi
4.3 hingga 5.0	Sangat Tinggi

HASIL DAN PERBINCANGAN

Melalui Jadual 2 di bawah, dapat dilihat bahawa sejumlah 119 responden terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 59 orang (49.6%) responden terdiri daripada lelaki manakala 60 orang (50.4%) responden adalah perempuan. Perkara ini juga menunjukkan taburan sekata antara pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 2 : Taburan Responden Berdasarkan Pelajar

Jantina	Frekuensi	Peratusan(%)
Lelaki	59	49.6
Perempuan	60	50.4
Jumlah	119	100

Jadual 3 di bawah pula menunjukkan empat faktor kreativiti yang menjadi konstruk dalam soal selidik yang telah ditadbir kepada 119 responden. Faktor kreativiti tersebut ialah ilmu pengetahuan, gaya berfikir, personaliti dan motivasi. Hasil kajian menunjukkan tiga konstruk berada pada tahap tinggi dengan nilai min melebihi 3.5 dan satu konstruk berada pada tahap paling tinggi dengan nilai min melebihi 4.3 iaitu faktor ilmu pengetahuan. Lantaran itu, dapat dilihat bahawa faktor ilmu pengetahuan merupakan faktor utama yang mendorong kreativiti dalam kalangan pelajar di sebuah politeknik di zon selatan. Perkara ini mencapai objektif pertama dalam kajian ini. Melalui dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa ilmu pengetahuan bertindak mendorong dan menggerakkan pelajar untuk mereka lahirkan idea yang kreatif dan boleh memikirkan perkara yang lebih besar.

Jadual 3 : Faktor Pendorong Kreativiti Pelajar

Faktor	N	Skor min	Sisihan Piawai
Ilmu pengetahuan	119	4.3025	.49668
Gaya berfikir	119	3.6071	.59622
Personaliti	119	4.1996	.50378
Motivasi	119	4.1324	.52463

Seterusnya berdasarkan Jadual 4, didapati terdapat perbezaan yang signifikan pada faktor ilmu pengetahuan antara pelajar lelaki dan perempuan ($t=0.018$; $p<0.05$). Faktor ilmu pengetahuan pelajar lelaki ($\text{min}=4.1949$) adalah tidak sama dengan faktor ilmu pengetahuan pelajar perempuan ($\text{min}=4.4083$). Bagi faktor kedua, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor gaya berfikir antara pelajar lelaki dan perempuan ($t=0.057$; $p>0.05$). Faktor gaya berfikir pelajar lelaki ($\text{min}=3.7119$) adalah sama dengan faktor gaya berfikir pelajar perempuan ($\text{min}=3.5042$).

Seterusnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor personaliti antara pelajar lelaki dan perempuan ($t=0.849$; $p>0.05$). Faktor personaliti pelajar lelaki ($\text{min}=4.1907$) adalah sama dengan faktor personaliti pelajar perempuan ($\text{min}=4.2083$). Dan terakhir, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor motivasi antara

pelajar lelaki dan perempuan ($t=0.744$; $p>0.05$). Faktor motivasi pelajar lelaki ($\text{min}=4.1483$) adalah sama dengan faktor motivasi pelajar perempuan ($\text{min}=4.1167$). Justeru, dapatan ini dapat mencapai objektif kedua dalam kajian ini mengenai perbezaan faktor yang mendorong kreativiti antara lelaki dan perempuan di sebuah politeknik di zon selatan.

Jadual 4 : Perbezaan Faktor Pendorong Kreativiti Antara Jantina

	Jantina	N	Skor Min	Std. Deviation	t	df	Sig. P
Ilmu pengetahuan	Lelaki	59	4.1949	.50444	-2.390	117	.018
	Perempuan	60	4.4083	.46933			
Gaya berfikir	Lelaki	59	3.7119	.55479	1.922	117	.057
	Perempuan	60	3.5042	.62180			
Personaliti	Lelaki	59	4.1907	.47647	-.190	117	.849
	Perempuan	60	4.2083	.53315			
Motivasi	Lelaki	59	4.1483	.45985	.328	117	.744
	Perempuan	60	4.1167	.58488			

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan, dapat dilihat bahawa faktor ilmu pengetahuan menjadi faktor utama yang mendorong kreativiti dalam kalangan pelajar di sebuah politeknik di zon selatan. Perkara ini juga selaras dengan kajian Yahya & Noor Sharliana (2011) yang menunjukkan faktor ilmu pengetahuan sebagai faktor pendorong utama kreativiti pelajar di sebuah universiti di zon selatan. Pada hujah yang lain, Mohd Mohsin & Nasrudin (2006) telah mengukuhkan bahawa pengetahuan dan kepintaran mempunyai hubungan yang positif yang mana kemampuan intelek seseorang individu akan meningkat apabila semakin banyak ilmu pengetahuan yang diperolehinya.

Selain itu, dapatan kajian ini turut mendapati bahawa faktor ilmu pengetahuan sebagai pendorong kreativiti adalah berbeza antara pelajar lelaki dan perempuan. Hal ini boleh disebabkan gaya kognitif dan corak penerimaan ilmu antara lelaki dan perempuan adalah berbeza walaupun perbezaannya sedikit dan kesan jantina dan gaya kognitif juga boleh dilihat dalam aspek pencapaian pelajar (Poh & Melissa, 2008; Qing 2017). Selain itu, Shimonaka & Nakazato (2007) dalam kajiannya menunjukkan terdapat perbezaan jantina dalam kefasihan dan produktiviti yang mana perempuan skor lebih tinggi.

Kajian ini juga berpandangan personaliti dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah mungkin memberi kesan kepada kreativiti yang matang. Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan Ratnakrishnan & Lian (2014) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kreativiti antara pelajar lelaki dan perempuan tidak terdapat perbezaan faktor jantina terhadap kreativiti. Motivasi juga turut menjadi faktor pendorong kreativiti dan

perkara ini selaras dengan Lisa et al (2014) mendapati hubungan yang positif dan signifikan antara kemahiran berfikir kreatif dan motivasi terhadap hasil pembelajaran.

KESIMPULAN

Penghasilan modal insan melalui pendidikan merupakan hakikat yang tidak dapat disangkal lagi. Negara yang membangun sangat memerlukan modal insan yang kreatif yang akan terus menyumbang dan menjana idea yang baru, pemikiran dan hasil kerja yang berkualiti untuk terus bersaing dengan dunia luar dan terus meletarikan pembangunan negara. Perkara ini adalah sangat penting dan perlu mendapat sokongan dan perhatian semua pihak agar Negara dapat melahirkan ramai individu yang kreatif. Oleh itu, dapat disimpulkan dalam konteks pelajar di politeknik, kreativiti mereka didorong oleh ilmu pengetahuan, personaliti, motivasi dan gaya berfikir. Kreativiti juga dapat mempengaruhi kegiatan harian, aktiviti dan pekerjaan yang bakal mereka ceburi.

Kreativiti adalah penting kepada pelajar-pelajar ini khususnya di politeknik kerana mereka adalah bakal tenaga kerja dalam bidang *Technical Vocational Education and Training* (TVET) yang akan memacu pembangunan negara di masa hadapan. Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar kajian lanjutan boleh dijalankan mengenai kreativiti khususnya untuk pelajar bidang teknikal di politeknik yang melihat tahap kreativiti pelajar dalam saiz sampel yang lebih besar atau menggunakan rekabentuk kajian yang berbeza agar elemen kreativiti ini dapat diteroka dan difahami dengan lebih mendalam. Diharapkan juga kajian ini memberikan peluang kepada pensyarah untuk terus berusaha dan memberi galakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran agar kreativiti pelajar dapat diserlahkan dan ditonjolkan lagi melalui faktor yang telah disebutkan.

RUJUKAN

- Amabile, T. M. (1996). *Creativity and innovation in organizations*. Harvard Business School
- Amabile, T. M. (1983). The social psychology of creativity: A componential conceptualization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45(2), 357–376. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.45.2.357>
- Abraham, A. Gender and creativity: an overview of psychological and neuroscientific literature. *Brain Imaging and Behavior* 10, 609–618 (2016). <https://doi.org/10.1007/s11682-015-9410-8>
- Arshad, M., & Alias, S.H. (2011). Tahap kreativiti di kalangan pelajar program sains di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bart, William & Hokanson, Brad & Can, Iclal & Abulela, Mohammed. (2015). An Investigation of the Gender Differences in Creative Thinking Abilities among 8th and 11th Grade Students. *Thinking Skills and Creativity*. 17. 10.1016/j.tsc.2015.03.003.
- Chua, Y.P (2011). Pengukuran Semasa Kreativiti. Isu dan Cabaran. Dalam Azrina, S. (ed). *Islam, Kreativiti dan Inovasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Cropley, D. H. and Cropley, A. J. (2016). Promoting creativity through assessment: A formative CAA tool for teachers, *Educational Technology Magazine*, 56:6, pp. 17-24.
- Dominikus, D.B.S. (2016). Hubungan Antara Potensi Kreativitas Dan Motivasi Berprestasi Mahasiswa Program Studi Bimbingan Dan Konseling Angkatan 2010 FKIP Unika Atma Jaya. *Jurnal Bimbingan Konseling Indonesia*, 1(1): 6-9.
- H. Naderi, R. Abdullah, H. Tengku Aizan, J. Sharir & V.K. Mallan, (2009). Gender Differences in Creative Perceptions of Undergraduate Students. *Journal of Applied Sciences*, 9: 167-172.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010)*. Kuala Lumpur. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kaufman, Bruce E. (2008). *Managing the Human Factor: The Early Years of Human Resource Management in American Industry*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Moidunny, K. 2009. Keberkesanan program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH). Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Mohsin, M. S. & Nasruddin, Y. (2008). Peranan Guru dalam Memupuk Kreativiti Pelajar. *Jurnal Pengajian Umum* 9: 57–72.
- Maarop, Fatin Fadzliana, Rashid & Umi Kartini. (2017). *Hubungan antara personaliti dan tingkah laku kerja inovatif*. In: Isu-Isu Inovasi di Malaysia. Siri 1 . Penerbit UTHM, pp. 103-113. ISBN 9789672110392
- Mohamad, M.M.S., & Nasruddin, Y. (2006). *Hubungan kreativiti dan ilmu pengetahuan*. MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 7 . pp. 41-52. ISSN 1511-8393
- Musta'mal, A.H., Mohtaram, N., Rosmin, N. & Fakhrudin, M. A. (2017). Creativity Amongst Final Year Students of Polytechnic Diploma of 75–86. *Journal of Ilmi* Jilid 7, 2017 : 75 – 86
- Mohd Azhar Abd Hamid (2004). *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia
- Nor Azzatunnisak, M.K. & Saemah, R. (2013). Pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah.
- Poh, B.T., & Melissa, N.L.Y.A. (2008). Kesan Faktor Jantina, Etnik dan Gaya Kognitif ke Atas Pencapaian Pengajian Am. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. (23);123-140.
- Qing, S. Y. (2017). Gender Differences in Cognitive Functioning Speed and Academic Performance among Malaysian Undergraduates 1(1): 30–44.
- Ruhizan, M.Y., M. Ramlee, M., Asnul D.M., Kamaruzaman, J., Azaman, I. & Shafie, S. (2012). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di sekolah menengah, *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27, 23–36.
- Robinson, K. (2005). How creativity, education and the arts shape a modern economy. Education Commission of the States: Arts and Mind Series. <http://www.ecs.org/clearinghouse/60/51/6051.pdf>
- Shimonaka, Y., & Nakazato, K. (2007). Creativity and factors affecting creative ability in adulthood and old age. *Japanese Journal of Educational Psychology*, 55(2), 231–243
- Urban, K. K. (1991). On the development of creativity in children. *Creativity Research Journal*, 4, 177-191.
- Yahaya, B. & Noor Sharliana, M.N. (2011). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal Educational Psychology and Counseling* 2: 175–208.
- Zaidatun, T. & Mohd Salleh A. (2003). *Analisis data komputer SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: VENTON Publishing